

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 18**

**DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan inisiatif berterusan Kementerian dalam menangani stigma terhadap pesakit-pesakit berkaitan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat, dan apakah statistik golongan penjawat awam yang mengalami masalah kesihatan mental untuk tempoh 5 tahun yang lepas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Stigma dan salah faham dalam kalangan masyarakat telah menjadi salah satu halangan yang paling besar untuk seseorang yang mengalami penyakit mental mendapatkan bantuan profesional yang amat mereka perlukan. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan stigma masyarakat terhadap pesakit mental adalah melalui;

- (a) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melancarkan satu kempen kesedaran nasional Let's TALK Minda Sihat - **#letstalkmindasihat** yang bertujuan membina kesedaran dan mengatasi stigma terhadap kesihatan mental. Kempen ini akan dikendalikan secara berkala sempena bulan kesihatan mental pada bulan Oktober setiap tahun. Ia akan melibatkan beberapa agensi kerajaan serta pihak NGO yang akan berkolaborasi bagi

## **SOALAN NO : 18**

menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran kesihatan mental di seluruh negara secara berterusan.

- (b) Aktiviti-aktiviti kesedaran kesihatan mental diterapkan bersama kempen-kempen Cara Hidup Sihat yang memfokuskan kepada cara menangani stres dan kepentingan rawatan jika stress berterusan;
- (c) Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental yang meliputi kem-kem Kesihatan, pameran, ceramah, dialog dan forum dilaksanakan di peringkat komuniti; dan
- (d) Kesedaran terhadap masalah kesihatan mental juga diterapkan dalam program KOSPEN (Komuniti Sihat Pembina Negara) dalam mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerkasaan komuniti. Pemerkasaan ini juga dilakukan di tempat kerja melalui program KOSPEN PLUS.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kajian *National Health Morbidity Survey* (NHMS) yang dikendalikan oleh KKM pada 2015 mendapati prevalen masalah kesihatan mental di kalangan pejawat awam adalah 24.6% berbanding pekerja swasta iaitu 29.3%. Masalah kesihatan mental berlaku apabila seseorang individu mengalami gangguan emosi atau perasaan yang boleh mengakibatkan fungsi kehidupan sehari-hari tidak berada pada tahap optima.

Sekian, terima kasih.